



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMERIKSA KAWALAN KEMAJUAN KANAN (C.1-2 EB.3)  
JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **1.Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

#### **2.Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang “Kedudukan Permohonan” dan klik “Status Permohonan”. Jika terdapat status menyatakan “Dipanggil Ujian” atau “Dipanggil Temu duga”, sila semak ruang “Kalendar Saya” dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEMERIKSA KAWALAN KEMAJUAN KANAN  
JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma* Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang *Construction* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**JABATAN SALIRAN DAN PEMBETUNGAN**

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Unit Kawalan Kemajuan dan Penguatkuasaan Pembetungan termasuk kakitangan di bawah jagaan;
2. Menyemak dan membuat ulasan ke atas pelan-pelan lukisan kemajuan bangunan, khususnya cadangan reka bentuk sistem sanitasi / pembetungan, yang dipohonkan oleh pihak yang berkelayakan (*Qualified Person*) untuk pelbagai jenis kemajuan, mematuhi piawaian pembetungan dan diproses mengikut tempoh waktu yang ditetapkan atau Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR);
3. Memeriksa tapak dan menyediakan laporan sokongan bagi permohonan-permohonan seperti mendapatkan maklumat seperti di tapak bina (*as-built*) pembetungan dan penyambungan ke atas sistem pembetungan Kerajaan, mengikut (TPOR);



4. Menyiasat ke tapak dan menyediakan laporan serta cadangan pembaikan ke atas aduan-aduan berkaitan kemajuan tanah dan bangunan yang dilaporkan oleh orang awam dan agensi Kerajaan;
5. Membuat ulasan atau sokongan bagi permohonan-permohonan yang diproses melalui sistem secara atas talian mengikut (TPOR);
6. Menyediakan draf surat sebagai balasan atau laporan kepada (*Qualified Person*) agensi Kerajaan dan orang awam bagi permohonan dan aduan yang dihadapkan ke Jabatan;
7. Menyediakan anggaran kos pembinaan sistem sanitasi bangunan untuk pembinaan baharu dan penyelenggaraan yang diperlukan;
8. Memantau kemajuan kerja-kerja kontraktor bagi memastikan projek pembetungan berjalan lancar mengikut jadual dan tarikh penyiapan yang ditetapkan;
9. Memeriksa kualiti kerja pembinaan yang dibuat oleh kontraktor di tapak bagi memastikan ianya mematuhi piawaian yang ditetapkan dan pelan lukisan yang dibenarkan termasuk aspek keselamatan kesihatan dan alam sekitar;
10. Menjalankan ujian-ujian tertentu di tapak bina sebagai sebahagian dari kerja pemeriksaan bagi pengesahan kualiti dan penyiapan kerja pembinaan pembetungan;
11. Menyelaras dengan agensi Kerajaan, kontraktor, dan pihak berkepentingan lain untuk pemeriksaan tapak, dan mengadakan perbincangan atau mesyuarat, dan mewakili Jabatan dalam pemeriksaan / mesyuarat yang diaturkan;
12. Membantu merancang dan membuat jadual aktiviti pemeriksaan tapak serta perjumpaan bagi menangani permohonan dan aduan diterima serta projek yang dikendalikan oleh Ketua Unit;
13. Mengumpul data untuk menghasilkan statistik bulanan bagi permohonan dan aduan yang diproses untuk laporan ke Ketua Bahagian / Unit; dan
14. Menerima dan melaksanakan kerja yang diarahkan oleh pegawai atasan dengan patuh dan pantas dari semasa ke semasa.